

09/06/2002

Pakistan tidak mahu mulakan peperangan

DENGAN berpakaian tradisi 'kurta dan selwar', Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf, amat tenang ketika ditemu bual di kediamannya, Army House, di sebuah kantonmen tentera di Rawalpindi malam Khamis lalu. Krisis dengan India berhubung pertikaian terhadap Kashmir seolah-olah tersembunyi di sebalik sifat bersahajanya dalam menjawab setiap soalan dikemukakan sepanjang kira-kira sejam. Ikuti sedutan temu bual eksklusif Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad, Penolong Pengarang Berita Harian, Hishamuddin Aun, Penolong Pengarang NST, Syed Nadzri Syed Harun, penulis rencana NST, Sharifah Faizah Al-Attas, dan jurugambar, Hamsiah Abu Bakar, yang meliputi pelbagai isu, termasuk kemungkinan tercetus perang nuklear.

SOALAN: Terima kasih kerana sudi menerima kunjungan kami dan kami amat berbesar hati di atas penghormatan ini. Tiada antara kami yang pernah ke Pakistan kecuali saya, itu pun ini adalah lawatan pertama saya selepas 39 tahun. Saya menemu bual Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee, di New Delhi tahun lalu dan sejak itu berusaha mengatur temu janji dengan anda. Soalan pertama saya, apakah status hubungan dua hala Pakistan-Malaysia?

MUSHARRAF: Saya harus katakan ia amat mesra. Rakyat Pakistan menyenangi rakyat Malaysia, malah menghormati mereka. Itu saya boleh berasa amat pasti. Namun, masih banyak yang boleh dilakukan dalam mengukuhkan hubungan kedua-dua negara Islam ini.

Apakah komen anda terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana yang maju?

Sangat positif. Saya fikir Malaysia patut dijadikan contoh percampuran tradisionalisme dan modenisme. Saya secara peribadi ingin menyatakan bahawa ini (Malaysia) adalah contoh yang tepat untuk diikuti negara Islam lain.

Adakah ancaman perang nuklear di antara Pakistan dan India beransur lenyap? Adakah Pakistan percaya ia hanya akan membawa bencana besar kepada kedua-dua pihak, atau adakah ia disebabkan kepentingan Amerika Syarikat di rantau ini dan tekanan antarabangsa?

Berkaitan ancaman perang, saya boleh katakan ia beransur lenyap sepanjang empat atau lima hari lalu. Dalam pada itu, keadaannya tidak banyak berubah. Dalam menilai keadaan itu, kami harus memberi pertimbangan kepada pihak lawan. Kami perlumelihat niat serta keupayaan mereka. Apa juga niat tidak akan tercapai tanpa memiliki keupayaan. Keupayaan fizikal (India) terbentuk melalui kerahan tentera ke sempadan.

Ini sesuatu yang amat serius kerana niat boleh berubah dalam masa hanya satu malam. Niat mereka mungkin berbeza esok.

Namun, jika mereka tidak memiliki keupayaan... keupayaan tidak boleh terbina dalam masa semalaman. Berdasarkan keadaan sekarang, keupayaan itu memang ada. Barangkali niat mereka berkurangan tetapi keupayaan mereka kekal seadanya.

Itu sangat berbahaya. Kita juga berada di sempadan. Mana-mana pihak boleh melakukan apa saja tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa Pakistan tidak akan memulakan peperangan.

Kenapa pula (ancaman perang) beransur lenyap? Saya berpendapat ia lebih disebabkan oleh halangan berkecuali. Ia adalah halangan yang dimiliki Pakistan dalam tentera darat, laut dan udaranya. Inilah yang menjadi punca kemungkinan perang berkurangan.

Kerana kedua-dua pihak harus sedar bahawa perang mengakibatkan kemusnahan besar. Pihak di India harus turut sedar dan saya percaya mereka menyedarinya. Komander perang (kedua-dua pihak) harus tahu realiti di medan pertempuran.

Saya ada menemui Menteri Luar India, Fernandes (see CORRECTION above), yang berpendirian positif dengan berkata bahawa Jen Musharraf hendaklah dipercayai atas apa yang dikatakannya.

Saya gembira beliau sudah mengubah pandangannya. Pada masa lalu beliau amat vokal dan meloyakan. Kini beliau mengulangi apa yang pernah saya katakan. Saya gembira beliau mengubah pandangannya.

Pada pendapat anda, mengapa India kelihatan berdegil? Adakah ia didorong politik dalaman - lagipun dasar luar ditentukan isu domestik? Tidakkah ini turut mempengaruhi tindakan anda?

Salah satu sebab ialah mereka barangkali mahu mendapatkan kembali populariti yang mereka kehilangan. Sebab lain ialah mereka mahu mewujudkan kesan peperangan ke atas kami bagi menghindarkan pendirian kami ke atas Kashmir serta membendung perjuangan rakyat Kashmir. Itulah matlamat mereka. Mereka mengatakan mereka mahu mengadakan pilihan raya di Kashmir, September ini. Sebaliknya, rakyat Kashmir tidak mahukan pilihan raya kerana Kashmir bukan sebahagian daripada India. Ia adalah wilayah yang diwujudkan hasil ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jadi, barangkali mereka beranggapan kami boleh disisihkan daripada sebarang sokongan moral atau diplomatik terhadap rakyat Kashmir. Mereka juga akan dapat menindas rakyat Kashmir dan memaksa mereka keluar membuang undi September ini.

Dengan mengandaikan penyelesaian kepada krisis berkenaan, bagaimanakah isu Kashmir dapat dilerai? Tiadakah penyelesaian muktamad terhadap isu itu?

Saya fikir ada jalan penyelesaiannya jika ada kemahuan pada kedua-dua pihak. Pertama-tamanya, harus ada keikhlasan, juga perakuan bahawa Kashmir adalah isu utama.

Ia adalah pertikaian utama di antara India dan Pakistan yang menghantui hubungan kedua-dua negara sejak sekian lama. Kami sudah bertempur dalam beberapa peperangan, membunuh sesama sendiri di Garis Kawalan (LOC) setiap hari walaupun adalah sesuatu yang tidak masuk akal untuk mereka menidakkannya.

Apakah isu lain yang mereka perkatakan? Inilah pertikaianya. Ia menuntut kami lebih ikhlas (dan) jika kami mahu memperbaiki hubungan, kami harus menangani pertikaian mengenai Kashmir. Langkah ke hadapan yang harus diambil ialah pertama, memulakan proses dialog; kedua, memperakui realiti dan kepentingan Kashmir; ketiga, menghapuskan apa juga perkara yang tidak boleh diterima mereka dan tidak boleh diterima kami. Dan langkah keempat, lakukan penyelesaian daripada perkara-perkara yang tinggal. Walaupun saya melihatnya sebagai langkah ke hadapan, keikhlasan adalah diperlukan.

Secara amnya, ada batasannya terhadap apa yang boleh dilakukan oleh seorang pemimpin atau sebuah negara. Sesetengah orang berpendapat anda sudah melakukan apa yang terdaya. Bagaimanapun, dunia seolah-olah lebih memihak India manakala anda dirasakan belum melakukan secukupnya untuk menghentikan serangan merentasi sempadan. Apa komen anda dan apa yang akan anda lakukan untuk memperbetul tanggapan ini?

Banyak yang sudah kami lakukan. Kami sudah memberikan mereka banyak sebab untuk meredakan ketegangan dan memulakan proses dialog. Kami membanteras pelampau agama untuk kebaikan kami sendiri, mengharamkan beberapa parti dan kumpulan, termasuk pemimpin dua pertubuhan yang dipersalahkan mereka di atas serangan terhadap Parlimen India. Semua ini menawarkan lebih daripada alasan secukupnya untuk meredakan keadaan dan

memulakan perundingan. Mereka tidak pun melakukan apa-apa. Kemudian berlaku serangan 12 Mei dan sekali lagi mereka menyalahkan Pakistan. Histeria pun terus memuncak.

Setiap kali, kerajaan sayalah yang dikatakan menaja segala-galanya. Jadi, sikap seperti ini amat aneh. Saya fikir sudah memberi segala sebabnya. Kini saya katakan tiada apa yang berlaku. Saya sudah bercakap dengan mereka di garis kawalan dan kata-kata saya hendaklah dipercayai. Apabila itulah keadaannya, kita lihat apa pula reaksi mereka. Biarlah saya katakan reaksi mereka tidak mengendurkan ketegangan. Saya katakan jangan hampiri kerana angkatan darat, laut dan udara kami berada di sempadan. Anda tidak memberikan kami apa-apa bantuan, (sebaliknya) kami yang memberikan anda bantuan dengan meredakan keadaan. Jika anda pula yang mententeramkan ketegangan, anda sebenarnya membantu bala tentera anda yang berasa jemu di sempadan. Saya tahu daripada laporan yang diterima apa yang mereka lakukan. Reaksi yang saya jangkakan ialah mengendurkan ketegangan, disusuli permulaan dialog.

Sokongan anda terhadap perang Amerika Syarikat terhadap keganasan mendapat pujian Washington. Bagaimana anda menyesuaikan ini dengan sokongan anda terhadap militan Kashmir?

Niat kami amat jelas. Kami menentang sebarang bentuk keganasan - sama ada keganasan oleh individu, kumpulan atau negara. Ini teramat penting. Malangnya, apabila satu individu membunuh satu individu yang lain, kita dengan mudah memanggilnya penganas.

Tetapi apabila pembunuhan itu dilakukan sebuah negara, kita tidak pun berkata apa-apa.

Kita melihat beribu-ribu yang menjadi korban di Kashmir. Apa yang berlaku di sini ialah keganasan oleh negara.

Kami amat jelas bahawa apa yang dilihat di Kashmir adalah pejuang pembebasan, bukan keganasan. Takrif keganasan hendaklah diperjelaskan. Saya mengharapkan PBB untuk mentakrifnya. Tapi apa yang diperkatakan dunia mengenai keganasan merentasi sempadan, saya ingin menjelaskan bahawa di seberang Garis Sempadan, tiada apa yang berlaku sekarang. Kami mengutuk kejadian serangan di Parlimen India yang menyebabkan korban dan kejadian anggota tentera dan orang awam terbunuh dalam serangan bom terhadap sebuah bas. Kami tidak mempunyai kaitan dengan kegiatan keganasan ini dan kami juga mengutuk keras mereka yang bertanggungjawab.

Bagaimana hasil mesyuarat anda dengan (Timbalan Setiausaha Negara Amerika) Richard Armitage? CNN memetik sumber-sumber AS sebagai berkata ia adalah mesyuarat amat berhasil.

Saya bersetuju ia adalah mesyuarat yang bermanfaat.

Adakah anda kini lebih optimistik bahawa ketegangan (yang memungkinkan peperangan) tidak akan berlaku?

Ya, saya amat optimis jika segala perbincangan kami diterima, sekali gus bergerak ke arah haluan lebih baik.

Apa kemajuan yang anda dapati dalam membendung bercambahnya sekolah agama atau madrasah yang tidak diiktiraf di Pakistan yang menjadi tarikan kepada militan dari kebanyakan negara Islam termasuk Malaysia?

Kami menetapkan syarat tertentu. Pertama, mereka perlu didaftarkan dan kami mahu mereka mengajar empat subjek supaya kami dapat membawa mereka semakin hampir dengan aliran biasa pendidikan dan bukannya hanya pengajaran subjek keagamaan. Kami juga memaklumkan bahawa tiada sesiapa dari negara asing boleh menyertai madrasah tanpa dokumen sah. Kami amat tegas dalam soal ini dan sedang mengambil tindakan membanterasnya.

Pelaksanaan pengajaran empat subjek ini hendaklah dilakukan.

Apakah empat subjek itu?

Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan pelajaran mengenai Pakistan.

Lebih banyak saya mendengar daripada anda, lebih banyak anda menyamai Dr

Mahathir Mohamad dalam menafsir keganasan. Begitu juga, selepas 45 tahun merdeka, kami menekankan semula bahasa Inggeris dan mengajar subjek seperti yang anda sebutkan.

Ya, saya cuba memberitahu mereka, kenapa anda menyekat seorang budak muda hanya untuk menjadi mullah di masjid sehingga menyebabkan percambahan masjid - setiap 200 ela ada sebuah masjid. Mereka memerlukan pekerjaan dan mereka hanya boleh menjadi pegawai masjid.

Saya menjanjikan sesetengah mereka biasiswa agar meninggalkan madrasah dan memasuki mana-mana universiti. Saya pernah ternampak seorang budak di madrasah yang kelihatan baik untuk menyertai tentera. Jadi, saya bertanya kenapa mereka hanya mengajar dia subjek keagamaan. Mereka boleh mengajar subjek biasa bagi membolehkan kanak-kanak ini menyertai tentera atau sebarang profesion lain.

Kami difahamkan bahawa Perlembagaan Pakistan akan dipinda penghujung bulan ini. Apakah rancangan anda?

Kami tidak bercadang meminda Perlembagaan akhir bulan ini. Apa yang saya maksudkan ialah kami sedang meneliti draf pindaan yang perlu kami lakukan untuk memastikan empat perkara: Pertama, kami mahu mengembalikan inti pati demokrasi kepada Pakistan.

Jadi, kami perlu mempunyai 'check and balance' terhadap semua broker kuasa Pakistan yang sebenarnya bermaksud kepada Presiden, Perdana Menteri dan Ketua Staf Angkatan Tentera.

Perlu ada pemerhatian terhadap setiap seorang daripada mereka supaya mereka tidak mengambil sebarang tindakan yang berkepentingan peribadi pada masa depan. Kemudian, kami mahu pastikan apa juga penyusunan semula yang dibuat dapat dipertahankan. Dan banyak yang telah kami lakukan, terutama pihak berkuasa tempatan yang kami perkenalkan dan diperturunkan kuasa pentadbiran dan dari segi politik. Ini tidak pernah dilakukan pada masa lalu. Ketiga, kami mahu pastikan kepentingan nasional sentiasa diutamakan.

Inilah yang sedang berlaku di Pakistan, sama ada kepentingan peribadi atau politik - seperti penukaran struktur tarif untuk kepentingan seseorang - kami mahu pastikan agar kepentingan nasional mengatasi yang lain. Akhir sekali, kami mahukan keharmonian antara wilayah yang tidak wujud pada masa lalu. Jadi, untuk mencapai keempat-empat matlamat ini, kami harus melihat apakah pindaan perlembagaan yang diperlukan. Kami sedang dalam proses mendapatkan maklum balas. Kami mahu melontarkannya kepada media untuk dianalisis.

Sesudah kami mendapat maklum balas, kami akan putuskan apa yang harus dilakukan. Kami akan beri masa kira-kira sebulan untuk perbahasan. Saya jangkakan kami akan membuat keputusan menjelang Julai.

Apakah prospek hubungan perdagangan dengan Malaysia? Apa pendapat anda mengenai pelaburan utama Malaysia di Pakistan seperti Liberty Power Project? Dari segi manakah lagi Malaysia dan Pakistan mungkin meneroka hubungan ekonomi? Mungkinkah kewangan dan perbankan Islam antaranya?

Saya fikir skopnya amat luas. Sektor awam dan swasta kedua-dua negara perlu menghalusinya dan mengenal pasti ruang kerjasama. Tapi saya berasa amat pasti sekurang-kurangnya dalam sektor pertahanan, ruang kerjasama amat luas. Perkara utama ialah kemahuan untuk meningkatkan hubungan dua hala. Berkaitan projek Liberty Power, terdapat beberapa masalah pada awalnya dalam penyediaan gas dan struktur tarif tetapi ia sama dengan semua 14 janakuasa di Pakistan yang sudah diselesaikan.

Dengan menyatakan demikian, saya fikir Pakistan dan Malaysia adalah dua negara Islam yang pada pandangan saya perlu bekerjasama. Dan saya benar-benar maksudkannya. Saya rasa kita (Pakistan dan Malaysia) perlu berganding bahu bukan hanya untuk kebaikan hubungan dua hala tetapi lebih penting lagi demi kepentingan ummah.

Saya benar-benar percaya banyak yang kita boleh lakukan bersama. (Malah)

saya fikir kita boleh mengatasi negara lain demi kepentingan ummah dan bekerjasama antara satu sama lain. Langit adalah sempadannya. Kami di Pakistan percaya Malaysia adalah salah satu cerita kejayaan daripada dunia Islam dan kita boleh bergandingan untuk diteladani dunia.

Apakah pandangan anda terhadap Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM)? Adakah kemungkinan Malaysia dan Pakistan akan bercakap dalam satu suara pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM)?

Kita harus bercakap dalam satu suara. Malangnya kami sudah terkeluar daripada Komanwel ketika ini (Pakistan ketika ini digantung kerana rampasan kuasa oleh Musharraf) dan kami benar-benar kecewa. Barangkali kepada Komanwel, demokrasi hanya bermaksud memiliki kerajaan yang dipilih sedangkan pada saya, ia lebih daripada itu. Kerajaan yang dipilih hanyalah satu permulaan demokrasi. Bagaimana mereka mentadbir menentukan demokrasi sebenar.

Mereka tidak melihatnya demikian dan sikap mereka terhadap Pakistan ternyata amat negatif. Adalah amat malang hanya kerana saya seorang pegawai tentera dan belum dipilih rakyat, mereka memiliki tanggapan negatif ini terhadap Pakistan.

Berkaitan OIC pula, saya rasa negara-negara Islam perlu lebih fokus dan lebih banyak membantu sesama sendiri. NAM pula seolah-olah semakin tidak relevan, terutama selepas berakhirnya Perang Dingin.

Dalam satu syarahan saya baru-baru ini, saya menyalahkan negara Arab yang kadangkala berasaskan mereka sinonim dengan Islam. Hakikatnya ialah terdapat lebih ramai umat Islam di luar dunia Arab.

Memang benar. Saya rasa kita kurang kesamaan.

Apakah prospek Pakistan mengadakan pilihan raya umum yang dijadualkan Oktober ini dalam keadaan mendepani krisis dengan India sekarang?

Ia sesuatu yang pasti. Pilihan raya tetap akan diadakan. Kita akan mempunyai kerajaan yang dipilih rakyat.

Tetapi, seperti yang saya katakan, ia hanyalah satu 'label' demokrasi. Inti pati demokrasi sudah pun ada di Pakistan. Kami akan melekatkan labelnya pada Oktober nanti.

Bagaimanakah pilihan raya dan pelantikan seorang Perdana Menteri baru memberi impak ke atas kedudukan dan tugas anda sebagai Presiden?

Saya sudah pun menyatakan mengenai inti pati demokrasi dan empat parameter pemerhatian dan pertanggungjawaban. Dalam ruang lingkup ini, kita melaksanakan kerajaan berparlimen di mana Perdana Menteri, Kabinet dan Parlimen adalah terutama.

Ramai orang mengatakan saya hanya berminat untuk memusatkan kuasa kepada diri sendiri. Sebagai warga tentera, saya percaya kepada perpaduan dalam mengarahkan perjalanan negara.

Tanpa perpaduan seumpamanya, anda tidak boleh berfungsi sebagai kerajaan dengan berkesan.

Tidak boleh ada dua orang berkongsi kuasa, jadi kuasa sebenar hendaklah bersama ketua eksekutif - mentadbir kerajaan, membuat keputusan terhadap semua perkara, sama ada ia soal pendidikan, kewangan atau ekonomi atau apa saja. Itulah yang akan saya gugurkan pada Oktober.

Akan ada seorang Perdana Menteri dan saya akan melepaskan fungsi mentadbir kerajaan yang menjadi kuasa sebenar. Apa yang akan saya kekalkan ialah autoriti Presiden untuk memastikan Perdana Menteri mentadbir dengan baik. Saya tidak menganggapnya sebagai kuasa. Kuasa untuk mentadbir adalah sebenarnya kuasa. (Sebaliknya) kuasa yang akan tinggal pada saya hanyalah untuk mengawas dan menyelia.

Saya juga akan menginstitusikan sistem ini. Sebelumnya, kuasa untuk membubarkan Parlimen atau kerajaan adalah milik Presiden - milik seorang individu. Sepanjang 12 tahun lalu, empat kali kerajaan dibubarkan - dua

kali ketika Benazir (Bhutto) dan dua kali ketika Nawaz Sharif. Setiap kali mereka tidak pun melengkapkan tempoh mereka. Dan dalam sejarah Pakistan, tiada kerajaan yang pernah menamatkan tempohnya - sesuatu yang tidak pun baik untuk demokrasi di Pakistan.

Kini kami mahu mengubahnya. Kami mahu pastikan kerajaan dapat berfungsi. Pada masa lalu, apabila kerajaan dibubarkan, keadaannya sentiasa menyaksikan Perdana Menteri menentang Presiden.

Setiap kali itulah, Ketua Staf Angkatan Tentera akan terheret dalam pertelingkahan sebagai orang tengah. Jadi, ada tiga cabang kuasa. Saya mahu menginstitusikan ini dan akan ada sebuah Majlis Keselamatan Kebangsaan. Saya akan menjadi pengerusi, Presiden yang akan menjadi pengerusinya tetapi dia tidak akan memiliki kuasa fizikal bersendirian untuk cuba membubarkan kerajaan. Apa yang saya cuba lakukan bukan untuk diri saya sendiri kerana saya tidak akan kekal selama-lamanya. Kami sedang cuba memperkenalkan satu sistem untuk memastikan tiada Presiden sewenang-wenangnya menyingkirkan Perdana Menteri. Begitu juga tiada Perdana Menteri boleh cuba memecat Presiden dan tiada ketua tentera, didorong cita-cita peribadinya, menyingkirkan kerajaan dan mengambil alih. Semua ini perlu melalui Majlis Keselamatan Kebangsaan.

Adakah anda akan berasa selesa dengan pentadbiran Benazir Bhutto seandainya beliau dan partinya memenangi pilihan raya? Adakah anda fikir beliau akan pulang (Benazir kini bermastautin di London) dan adakah anda akan mengizinkannya?

Dia menetap di sana atas pilihannya sendiri. (Jika pulang pun) beliau perlu menghadapi semua dakwaan mahkamah yang dikenakan ke atasnya. Keduanya, beliau bukan seorang graduan - saya mempunyai maklumat sahih untuk mengesahkannya dan tiada sesiapa yang boleh mempertikaikan - dan tidak boleh bertanding dalam pilihan raya. Saya tidak fikir beliau seorang lulusan universiti dan itu adalah satu keperluan yang beliau perlu penuhi.

Adakah latar belakang kemewahan dan ketenteraan anda menjadi aset dalam tugas sebagai Presiden?

Barangkali juga, terutama dalam situasi ini tetapi saya harus mendepani semua cabarannya dan membuat keputusan. Saya fikir bidang ketenteraan memberikan didikan dalam keadaan ini - membuat keputusan ketika krisis serta bagaimana menghadapinya.

Latar belakang kemewahan anda juga membolehkan anda menolak pelbagai godaan?

Saya tidak pun mewah. Saya datang dari keluarga kelas pertengahan. Bapa saya adalah bekas diplomat dan saya bukan dari keluarga berada. Barangkali hanya selesa dan saya adalah ciptaan sendiri. Ketika menyertai tentera, saya tidak mempunyai saudara-mara dalam perkhidmatan berkenaan.

Saya tidak pernah meminta apa-apa daripada sesiapa dan saya rasa saya sentiasa mendapat yang terbaik daripada angkatan tentera. Dalam tentera, saya boleh berasa bangga untuk menyatakan saya memberikan contoh saya sendiri. Ramai yang berpandangan yang sama. Pasukan tentera mengiktiraf merit.

Anda juga amat berpuas hati?

Ya. Apabila anda menyebut soal rasuah, saya tidak dapat bayangkan seorang yang memiliki perkara asas dalam hidup perlu mendapat lebih daripada itu. Saya mempunyai keperluan asas. Saya boleh berpandangan bahawa jika saya memiliki kereta Toyota misalnya, saya boleh berkehendakkan Mercedes Benz dan kemudian, mengapa tidak sebuah helikopter, sebuah pesawat jet. Maka, ia tiada penghujungnya. Saya gembira dengan apa yang ada, memiliki keluarga yang baik, anak-anak yang berjaya dalam hidup. Saya sukakan permainan, bersosial....

Akhir sekali, saya tidak fikir peperangan akan meletus, apa pula

pendapat anda?

Pada saya kemungkinan perang meletus adalah minimum. Saya berpendapat kedua-dua pemimpin di kedua-dua negara... kami perlu lebih bertanggungjawab untuk mengusahakan jalan perdamaian. Lebih daripada itu, keberanian diperlukan, begitu juga keikhlasan.

Tetapi terdapat halangan besar ke arah jalan perdamaian - pertikaian mengenai Kashmir.

Tiada sesiapa, tiada pemimpin di Pakistan yang boleh mengetepikan isu Kashmir. Setiap seorang individu di Pakistan memberi perhatian terhadap Kashmir. Terdapat (wilayah) Kashmir di Pakistan juga. Juga terdapat keturunan Kashmiri di kalangan rakyat Pakistan.

Kami menuntut keadilan ke atas Kashmir. Kami tidak pun menuntut sesuatu yang tidak adil, (sebaliknya) cuma pelaksanaan satu ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya kini selangkah di depan dan tiada pemimpin yang pernah melakukannya sebelum ini. Ketika saya ke Agra, setiap kali kami bercakap mengenai kesungguhan diri, saya katakan kami akan menangani masalah Kashmir dengan keanjalan. Ramai yang bertanya apa yang saya maksudkan dengan keanjalan dan saya tidak harus bercakap mengenainya. Tapi saya berpendapat satu-satunya cara untuk masalah ini diselesaikan ialah melalui keanjalan daripada kedudukan ditetapkan di kedua-dua pihak. Jika kita terus mengasak minda kita dengan apa yang dikatakan sejak 50 tahun lalu, kita hanya akan memanjangkan konflik ini.

Jika ada keikhlasan dan keanjalan, kita boleh menyelesaikan masalah ini. Kami bersedia untuk lebih berani dan lantang demi mencapai keamanan berkekalan andainya wujud keberanian dan kelantangan yang sama dari pihak bersebelahan.

(END)